

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 November 2015

Tekad pertahan keluhuran Perlembagaan

KUALA LUMPUR 13 W - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, sebagai pemimpin, beliau bertanggungjawab mempertahankan prinsip Rukun Negara ketiga iaitu keluhuran Perlembagaan dengan segala bidang kuasa yang ada.

Perdana Menteri berkata, setiap rakyat tanpa mengira pangkat atau kedudukan perlu menjunjung prinsip tersebut.

Beliau turut mengingatkan semua pihak bahawa negara ini mengamalkan demokrasi iaitu pemimpin di bawah badan eksekutif dipilih melalui pemilihan parti dan pilihan raya umum.

"Mereka menerima mandat untuk menjadi ketua dan memegang jawatan dalam kerajaan untuk memberi khidmat kepada rakyat dan negara.

"Mereka yang dipilih bertanggungjawab ke atas rakyat kerana merekalah yang memilih," katanya melalui rakaman audio yang dimuat naik ke laman blog NajibRazak.com hari ini.

Najib menambah, sebarang bentuk 'majlis' bukanlah atas pilihan rakyat yang bertujuan menyelia seorang pemimpin.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, perkara itu boleh disifatkan sebagai tidak demokratik dan secara langsung bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang berpaksikan prinsip demokrasi.

"Sekiranya ada badan yang boleh mengawal seorang pemimpin yang dipilih, maka kita akan mula menyimpang daripada sistem demokrasi yang selama ini menjadi tunjang kepada keamanan dan pembangunan negara kita," jelasnya.